

## **KAEDAH PENSABITAN JENAYAH QISAS; KAJIAN TERHADAP KES HANIF BASREE**

Afrah Munira Yusof<sup>i</sup>, Mohamad Azamuddin Othman, Mardhiah Syahibah Marhawi, Mirza  
Irdina Yuszairi

<sup>i</sup>(Corresponding author). Pelajar, Diploma Pascasiswazah Amalan Kehakiman & Guaman  
Syarie, FPISS, Univ. Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan 33000 Kuala Kangsar, Perak.

Emel: [afrah@usas.edu.my](mailto:afrah@usas.edu.my)

### **ABSTRAK**

Jenayah bunuh dilihat sebagai jenayah yang amat berat. Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman bunuh balas. Hukuman ini jelas dalam kedua-dua falsafah undang-undang sama ada ciptaan Allah SWT mahupun manusia. Oleh itu, untuk membuktikan sesuatu kes perlu kepada penghakiman yang sempurna bagi mencapai kebenaran dan keadilan yang dituntut. Justeru kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan tentang kes penghakiman Haneef Basree yang dituduh membunuh Norita berdasarkan kerangka jenayah Islam. Kajian ini berbentuk deskriptif dan komparatif, ia dilaksanakan menerusi perolehan maklumat dari data sekunder seperti alasan penghakiman dan dialog prosiding perbicaraan kes mahkamah yang diperoleh secara maya. Data mentah tersebut dianalisis secara manual. Hasil kajian mendapati bahawa dalam penghakiman kes Haneef Basree wujud persamaan dan perbezaan dengan elemen pensabitan jenayah bunuh dalam Islam. Diharapkan dapatan dari kajian ini akan dapat membantu masyarakat dalam meningkatkan pengetahuan serta kefahaman terhadap pensabitan jenayah bunuh menurut falsafah jenayah Islam.

**Kata-kata kunci:** Jenayah, Qisas, Pensabitan, Hanif Basree.

### **PENDAHULUAN**

Pada 5 Disember 2003, negara dikejutkan dengan pembunuhan kejam seorang eksekutif muda, Noritta Samsuddin, yang ditemui mati dalam keadaan yang amat menyayat hati di bilik tidurnya di Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, Kuala Lumpur. Mayatnya ditemui dengan kedua-dua kaki dan tangan terikat, mulutnya disumbat dengan kain, dan lehernya dijerut. Keadaan ini menunjukkan kemungkinan besar mangsa mengalami serangan ganas sebelum menemui ajalnya.

Kejadian ini mencetuskan penyiasatan menyeluruh oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur. Pada 7 Disember 2003, siasatan intensif dimulakan dengan penahanan beberapa individu termasuk dua rakan serumah mangsa, dua pengawal keselamatan kondominium, serta seorang lelaki bernama Hanif Basree Abdul Rahman. Pada 22 Disember 2003, Hanif Basree didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman mati mandatori

jika didapati bersalah. Walaupun begitu, Hanif Basree menafikan segala tuduhan tersebut dan perbicaraan kes ini bermula pada 5 Mei 2004 di Mahkamah Tinggi.

Semasa perbicaraan, pelbagai bukti dan keterangan dikemukakan, namun terdapat banyak keraguan yang timbul, terutamanya berkaitan dengan bukti DNA dan keterangan saksi. Pada akhirnya, mahkamah memutuskan bahawa terdapat keraguan yang munasabah terhadap tuduhan terhadap Hanif Basree, dan beliau dibebaskan daripada semua pertuduhan pada 1 Julai 2004.

Artikel ini meneliti dengan lebih mendalam mengenai kaedah pensabitan jenayah bunuh menurut undang-undang Islam dan sivil, dengan kes Hanif Basree sebagai rujukan utama. Penelitian ini berfokus kepada tiga elemen penting dalam pensabitan jenayah bunuh menurut Islam, iaitu saksi, qarinah (petunjuk), dan ikrar (pengakuan), di samping membandingkan prosedur dan pendekatan yang diambil oleh undang-undang sivil dalam kes pembunuhan ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan komparatif, ia dilaksanakan menerusi perolehan maklumat dari data sekunder seperti alasan penghakiman dan dialog prosiding perbicaraan kes mahkamah dalam kes pembunuhan Noritta Samsuddin yang diperolehi secara maya.

Pengkaji terlebih dahulu membuat analisis terhadap kaedah pensabitan jenayah bunuh menurut Islam berdasarkan pandangan fuqaha. Pada peringkat ini, pengkaji membuat tandaan kepada perkara-perkara penting berkaitan kaedah pensabitan jenayah bunuh syariah. Didapati tiga asas dalam kaedah pensabitan jenayah bunuh tersebut adalah terkait dengan kaedah pensabitan jenayah bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan berdasarkan perbicaraan kes pembunuhan Noritta Samsuddin di Mahkamah Tinggi. Kesemuanya disenaraikan bagi memudahkan pengkaji membuat perbandingan antara kaedah pensabitan jenayah bunuh Syariah dan Kanun Keseksaan (Seksyen 302). Asas tersebut adalah qarinah (petunjuk atau bukti), saksi dan ikrar (pengakuan tertuduh).

Berdasarkan kes yang dipilih oleh kumpulan pengkaji ini, segala bahan bacaan dan artikel berkaitan kes Hanif Basree (orang yang yang dituduh membunuh Noritta Samsuddin) dikumpul dan dicatat sebagai maklumat. Data mentah tersebut dianalisis secara manual dengan membuat pemerhatian secara teliti terhadap persamaan mahupun perbezaan yang wujud antara kedua-dua kaedah pensabitan jenayah bunuh ini.

## **KRONOLOGI KES PEMBUNUHAN NORITTA SAMSUDDIN**

### **1. 5 Disember 2003**

- Sekitar jam 4 pagi, Noritta Samsuddin, seorang eksekutif pembangunan dan perniagaan berusia 22 tahun, ditemui mati dalam keadaan tragis di bilik tidurnya di unit D-7-1, Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas, Kuala Lumpur. Mangsa ditemui dalam keadaan kedua-dua tangan dan kaki berikat, mulut disumbat kain, dan lehernya dijerut.

- Penemuan ini mengejutkan pihak berkuasa dan mencetuskan siasatan serta-merta oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur.

## 2. 7 Disember 2003

- Pihak polis memulakan siasatan terperinci, termasuk menyoal siasat beberapa individu yang mempunyai hubungan dengan mangsa. Dua rakan serumah Noritta, dua pengawal keselamatan kondominium, dan seorang lelaki bernama Hanif Basree Abdul Rahman ditahan reman untuk membantu siasatan. Hanif Basree dilaporkan mempunyai hubungan dengan mangsa.

## 3. 22 Disember 2003

- Hanif Basree Abdul Rahman secara rasmi didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas tuduhan membunuh Noritta Samsuddin. Seksyen ini membawa hukuman mati mandatori jika tertuduh didapati bersalah. Hanif bagaimanapun menafikan tuduhan tersebut dan menegaskan bahawa beliau tidak bersalah.

## 4. 5 Mei 2004

- Perbicaraan kes Hanif Basree bermula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kes ini menarik perhatian media dan masyarakat kerana sifat pembunuhan yang kejam serta status Hanif sebagai seorang lelaki yang berkerjaya dan berpendidikan.

## 5. Dalam Perbicaraan:

- Pihak pendakwaan mengemukakan bukti DNA yang ditemui pada tubuh mangsa dan di lokasi kejadian, termasuk cecair yang dikaitkan dengan Hanif Basree. Walau bagaimanapun, terdapat juga DNA "Unknown Male 1" yang tidak dapat dikenal pasti, yang menimbulkan keraguan terhadap penglibatan penuh Hanif Basree dalam pembunuhan ini.

- Saksi-saksi yang dipanggil termasuk dua rakan serumah Noritta dan dua pengawal keselamatan kondominium. Namun, terdapat percanggahan dalam keterangan mereka, terutamanya mengenai pakaian mangsa dan Hanif pada malam kejadian serta tempoh masa mereka memberikan keterangan.

## 6. 1 Julai 2004

- Setelah perbicaraan panjang dan penilaian terperinci terhadap bukti, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa Hanif Basree tidak bersalah atas tuduhan membunuh Noritta Samsuddin. Pembebasan ini berpunca daripada keraguan yang munasabah terhadap bukti yang dikemukakan, termasuk kegagalan untuk membuktikan dengan pasti bahawa Hanif adalah pembunuh utama.

## 7. Selepas Pembebasan:

- Hanif Basree dibebaskan daripada tuduhan membunuh.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Qarinah**

Qarinah dari segi bahasa bermaksud yang dikehendaki. Manakala dari sudut perundangan ia bermaksud sesuatu petunjuk yang dapat ditunjukkan secara zahir serta memberi faham bahawa ianya mempunyai kaitan dengan perkara yang tersembunyi (Wahbah Zuhaili, 1995).

Oleh itu berdasar definisi qarinah ini dapat disimpulkan bahawa perkara yang ditunjukkan secara zahir mempunyai hubungan dengan perkara yang mahu ditonjolkan (masih tersembunyi). Walau bagaimanapun hubungan tersebut mempunyai nilai dalam menzahirkan sesuatu maksud tertentu dan ia berkebolehan untuk dijadikan fakta kes. ('Adnan Hasan 'Azayizah, 1990).

Melihat kepada kes yang melibatkan jenayah hudud, ulama berbeza pandangan dalam menerima qarinah sebagai keterangan dalam kaedah pensabitannya. Seperti kes zina, antara fuqaha yang menolak keterangan seperti qarinah ini adalah imam Hanafi, imam Shafii dan imam Hanbali (jumhur fuqaha). Namun, berbeza dengan imam Malik, beliau berpandangan bahawa selagi tiada dalil atau bukti yang bertentangan dengan keterangan qarinah tersebut, maka selagi itulah qarinah itu berkeupayaan untuk dijadikan sandaran bukti serta boleh diterima dalam penghakiman jenayah zina. (Ibn al-Athir, 1356H)

Berdasarkan kata-kata Khalifah Umar r.a. "Hukuman rejam wajib (dilaksanakan) ke atas sesiapa sahaja yang berzina, sama ada lelaki atau perempuan kalau sekiranya dia muhsan apabila ada keterangan saksi (al-baiyyinah) atau dia mengandung atau ada pengakuan", imam Malik berpendapat bahawa jika tiada bukti yang menunjukkan bahawa perempuan itu dipaksa melakukan persetubuhan, maka perempuan tersebut boleh dijatuhkan hukuman hudud. (Ibn al-Athir, 1356H)

Dalam kes Hanif Basree, qarinah yang wujud adalah sejumlah sampel DNA yang dikesan berada pada tubuh badan Noritta dan di sekitar tempat mangsa ditemui mati. Hasil daripada laporan pakar sampel tersebut bersamaan dengan DNA milik Noritta Samsuddin, Hanif Basree dan seorang lelaki yang tidak diketahui dan dicatat sebagai "*unknown male 1*". (Mohd Ghazali, 2007)

Pakar melaporkan berkaitan cairan dalam vagina mangsa adalah milik hanif basree iaitu sebanyak 60-70%, milik mangsa adalah 20-25% dan 10-15% adalah milik "*unknown male 1*". Menurut ahli patologi, pemilik cairan terbanyak adalah merupakan orang yang terakhir melakukan hubungan seks dengan Noritta (Mohd Ghazali, 2007). Ini memberi petunjuk bahawa Hanif Basree merupakan orang yang terakhir mengadakan hubungan seks bersama Noritta. Secara zahirnya, boleh juga dikatakan Hanif Basree merupakan orang terakhir bersama Noritta dan ia memberi faham bahawa Hanif Basree mungkin orang yang membunuh mangsa.

Walaupun begitu, menurut penghakiman wujud keraguan terhadap hanya Hanif Basree sahaja yang berkemampuan melakukan pembunuhan tersebut. Keraguan tersebut adalah dengan kewujudan DNA yang bukan kepunyaan Hanif Basree pada alat yang digunakan untuk mengikat tangan dan kaki mangsa, pada anus mangsa yang terkesan dengan tusukan objek tumpul dan di beberapa kawasan persekitaran tempat kejadian juga bercampur antara DNA

Hanif Basree dan orang ketiga (Mohd Ghazali, 2007). Disebabkan keraguan ini dan beberapa faktor lain, Hanif Basree dibebaskan dari tuduhan membunuh Noritta Samsuddin. Namun, melalui keterangan laporan DNA ini juga Hanif Basree boleh dituduh melakukan hubungan seksual bersama Noritta Samsuddin.

Menurut falsafah jenayah Islam, qarinah yang seperti ini mengundang kepada *syubhah* (keraguan). Tertuduh tidak boleh disabitkan kesalahan membunuh dengan hanya disebabkan wujud DNA miliknya pada badan mahupun dipersekitaran mangsa. Tambahan pula dengan kehadiran DNA "*unknown male 1*" merupakan perkara yang mengurangkan tahap kekuatan qarinah tersebut untuk mensabitkan tertuduh dengan jenayah bunuh tersebut. Adalah lebih baik hakim tersalah melepaskan tertuduh daripada tersalah menghukum tertuduh.

Walaubagaimanapun, dari sisi pandang Syarak, Hanif Basree tetap perlu bertanggungjawab di atas perbuatannya sehingga menyebabkan cairan miliknya berada di dalam vagina Noritta Samsuddin. Jika benar antara mereka pernah berlaku hubungan persetubuhan haram, maka Hanif Basree perlu sekali lagi dihadapkan ke pengadilan Syariah bagi membela diri untuk tuduhan zina yang dilakukan bersama Noritta.

### **Keterangan Saksi**

Secara umumnya, keterangan saksi merupakan salah satu daripada sandaran hakim untuk membuat keputusan dalam sesi penghakiman di mahkamah. Ini bermaksud, sekiranya syarat yang telah ditetapkan ke atas keterangan saksi itu dilengkapi, maka ia layak menjadi perkara yang perlu dilihat dan diteliti oleh hakim dalam mengadili kes jenayah bunuh.

Sekiranya diperlukan oleh mahkamah, saksi yang layak wajib tampil memberi keterangan. Walau bagaimanapun, Syarak membenarkan saksi yang layak membuat pilihan sama ada mahu terlibat dalam memberi keterangan atau tidak dalam kes jenayah hudud. Keterangan itu tidak diwajibkan ke atas seseorang yang mahu mengelakkan daripada mendedahkan aib tertuduh. (Ibn al-Humam, 1315H).

Seseorang itu dikategorikan sebagai layak untuk menjadi saksi, dia mesti berakal waras, baligh, adil (tidak dikenali sebagai penjahat), beragama, tidak pernah melakukan dosa besar serta tidak melazimi dosa kecil. Seorang lelaki yang tidak dipaksa datang memberi keterangan berdasarkan perkara yang dilihatnya sendiri atau mendengarnya sendiri tentang perkara yang berlaku dalam kes berkenaan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan keterangan yang diberikan bersifat meyakinkan, namun pertimbangan hakim juga merupakan

Dalam kes Hanif Basree, dua orang rakan serumah Noritta dan dua orang pengawal keselamatan kondominium tersebut telah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Mereka dikenali sebagai saksi kejadian. Kesemua saksi yang hadir gagal menghilangkan keraguan terhadap tertuduh.

Menurut salah seorang saksi yang merupakan rakan serumah Noritta, cuba mengaitkan Hanif Basree dengan bau badan yang dihidunya pada malam kejadian pembunuhan mangsa (Mohd Ghazali, 2007). Namun saksi tersebut gagal menggagaskan kepercayaan bahawa pemilik bau badan itu adalah Hanif Basree. Ini adalah kerana, walaupun Hanif Basree pernah datang ke rumah mereka sebelum ini, namun bau tersebut tidak pernah pula dihidunya sebelum

ini. Ia memberi maksud bahawa Hanif Basree bukan pemilik bau badan yang dibangkitkan oleh saksi dalam keterangannya.

Keterangan dua orang pengawal keselamatan kondominium tersebut adalah seia sekata dengan menyatakan bahawa mereka telah melihat mangsa dan tertuduh pada jam 1 pagi berbual dengan 2 pasangan yang berada di dalam sebuah kereta kancil di hadapan pondok pengawal. Namun kedua-dua mereka memberi keterangan yang berbeza terhadap pakaian yang dikenakan oleh tertuduh dan mangsa pada malam kejadian. Salah seorang pengawal tersebut pula ada menyatakan bahawa mangsa dan tertuduh berjalan memasuki kondominium tersebut namun tidak dapat menjelaskan bagaimana tertuduh meninggalkan kondo tersebut pada pagi 5 Disember 2003 sekiranya dia benar-benar berada di situ pada malam kejadian. (Mohd Ghazali, 2007)

Walau bagaimanapun, mereka (dua pengawal) hanya memberi keterangan pada empat belas hari selepas kejadian. Selain daripada keterangan yang bercanggah antara mereka, tempoh masa yang lama dari hari kejadian sehingga empat belas hari selepas kejadian juga merupakan satu tempoh masa yang lama (Mohd Ghazali, 2007). Ini boleh menimbulkan pelbagai persoalan sama ada mereka hadir memberi keterangan dengan kerelaan atau paksaan serta ia mewujudkan keraguan terhadap keabsahan keterangan yang telah diberikan oleh mereka.

Berdasarkan prinsip perundangan Islam keterangan saksi mestilah dalam bentuk yakin dan bukan andaian. Jika dilihat dalam penghakiman Hanif Basree, perkara ini juga menjadi keutamaan hakim. Seperti mana keterangan berkenaan bau badan yang tidak pernah dihidu oleh saksi sedangkan tertuduh pernah datang ke rumah mangsa. Ini tidak boleh dijadikan bukti yang boleh menyabitkan tertuduh dengan kesalahan tersebut. Bahkan keterangan seperti ini hanya mendatangkan keraguan terhadap pertuduhan dan melemahkan bukti keterangan yang ada.

Seterusnya hakim menolak penyaksian dua pengawal, antaranya adalah kerana keterangan mereka saling bercanggah dan tidak konsisten (Mohd Ghazali, 2007). Ia bertepatan seperti yang digariskan oleh Syarak, terutamanya dalam kes zina, kesemua saksi mestilah memberikan keterangan yang seragam dan konsisten.

Menurut Islam, setiap saksi mestilah disoal secara berasingan, memastikan setiap saksi sentiasa bercakap benar dan memberi keterangan berdasarkan apa yang dilihatnya sendiri dengan jelas perbuatan atau keadaan yang berkaitan. Keterangan tersebut adalah dengan sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak. Sedangkan dalam perbicaraan tersebut, dua pengawal tersebut hadir memberi keterangan setelah diugut oleh pihak siasatan. Mereka juga telah memberi keterangan secara berasingan, namun sukar untuk hakim menentukan mereka bercakap benar kerana terdapat percanggahan maklumat dan jarak masa yang lama antara keterangan dengan hari kejadian.

## **Iqrar**

Iqrar ialah pengakuan atau sejenis pengakuan, seperti pengakuan zina, iaitu salah satu bukti yang membuktikan hak atau kepentingan orang lain untuk menyabitkan atau mendakwa atau bertanggungjawab ke atas diri sendiri. (Wahbah Zuhaili, 1995)

Ulama bersepakat bahawa pengakuan penjenayah itu cukup untuk membuktikan kesalahannya, dan dia boleh dijatuhkan hukuman sewajarnya. Satu pengakuan sudah cukup dalam kes jenayah, kecuali jenayah zina, terdapat perbezaan pandangan dalam penentuan jumlah pengakuan. Hanafi dan Hanbali berpendapat bahawa pengakuan mesti dilakukan sebanyak empat kali dalam empat majlis yang berbeza. Menurut pandangan Shafii dan kebanyakan Maliki, memadai dengan satu pengakuan sahaja, selagi mana ada tanda yang menunjukkan orang yang mengaku itu masih dengan pengakuannya. (Al-Sarakhsi, 1957)

Dalam pensabitan jenayah zina, pengakuan Ma'iz telah diterima oleh Baginda Rasulullah SAW, kemudiannya lelaki itu direjam. Sementara itu, dalam hadis al-'Asaif pula Rasulullah SAW bersabda: (Muslim, 2000).

Maksudnya:

“Pergilah wahai Unais seorang lelaki dari Aslam - kepada isteri orang ini (yang menuduh isterinya berzina). Kalau dia mengaku rejamlah dia. Unais lalu pergi menemui perempuan itu. Perempuan itu telah mengaku, lalu Rasulullah SAW memerintahkan supaya direjam dan dia lalu direjam.”

(Riwayat Muslim)

Yakin merupakan pembuktian tanpa keraguan yang mencapai tahap 100%. Tahap yakin menunjukkan bahawa keterangan yang dibawa tidak boleh dipatahkan dan merupakan bukti yang paling konkrit yang diterima di mahkamah. Terdapat beberapa syarat kepada orang yang ingin membuat pengakuan iaitu mestilah seorang yang waras dan cukup umur. Selain itu pengakuan mestilah dalam bentuk kata-kata dan ianya adalah munasabah.

Dalam kes perbicaraan Hanif Basree, tertuduh telah mengakui bahawa tidak membunuh Noritta Samsuddin. Tetapi tertuduh mengaku dalam keadaan sedar dan secara tiada paksaan berlaku, bahawa tertuduh ada melakukan hubungan seks dengan mangsa (Mohd Ghazali, 2007). Ini bermakna Hanif Basree hanya berzina dengan mangsa tetapi tidak sehingga membunuh mangsa.

Sekiranya kes ini didengar di Mahkamah Syariah Selangor, iqrar merupakan keterangan tertuduh yang paling yakin. Namun ia tidak pernah dituduh di mana-mana Mahkamah Syariah dalam Malaysia. Hanif Basree bebas dari hukuman bunuh, namun masih mempunyai kebarangkalian tinggi dituduh sebagai pelaku persetubuhan luar nikah di Mahkamah Syariah (selangor). Enakmen Jenayah Islam Selangor telah memperuntukkan Seksyen 25 Persetubuhan Luar Nikah, jika sabit kesalahan dia dikenakan tidak melebihi denda RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau disebat tidak melebihi 6 sebatan atau mana-mana kombinasi.

Sekiranya merujuk kepada hukuman hudud pula, maka Hanif Basree yang telah berkahwin itu boleh dijatuhkan hukuman rejam sampai mati kerana dia adalah seorang penzina muhsan (asbab dari iqrarnya). Merujuk kepada kes maiz, seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, iqrar adalah pembuktian yang paling meyakinkan, lalu Maiz dihukum rejam sampai mati.

## **PENUTUP**

Berdasarkan perbandingan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kaedah pensabitan jenayah bunuh menurut Islam (qisas) dan menurut penghakiman jenayah Kanun Keseksaan Seksyen 302 (kes Hanif Basree), pengkaji telah mendapati bahawa kedua-duanya mempunyai falsafah yang sama. Iaitu bukti keadaan (qarinah) digunapakai dalam perbicaraan, namun penilaian terhadap bukti itu adalah sangat terperinci. Sehingga dipastikan bukti tersebut tiada ruang untuk dipersoalkan, sekiranya terdapat keraguan pada bukti (qarinah) tersebut, maka ia digugurkan daripada penghakiman tertentu dan ia tidak menjadi penting lagi dalam membantu hakim membuat keputusan.

Begitu juga dalam membuat penilaian terhadap keterangan saksi, terdapat persamaan dan juga perbezaan antara kedua-dua kaedah pensabitan jenayah bunuh tersebut. Konsep adil yang ada pada diri saksi hanya di ambil berat oleh kehakiman Syarie tetapi tidak berlaku dalam kes Hanif Basree. Ini menyumbang kepada nilai keterangan yang banyak menimbulkan keraguan serta tidak meyakinkan apa yang keluar dari mulut saksi itu. Melihat kepada realiti masa kini, sekiranya berlaku pembunuhan yang disaksikan oleh orang kafir, konsep adil pasti sudah tiada di situ. Namun, keperluan mengambil saksi dari kalangan orang kafir juga menjadi keperluan.

Berdasarkan *igrar* atau pengakuan tertuduh, kedua-dua jenis penghakiman mengguna pakai *igrar* (pengakuan tertuduh) dalam perbicaraan dan ia merupakan bukti utama yang bebas dari keraguan (syubhah). Menurut perundangan Islam ia dikenali sebagai *saiyidul adillah*.

## **RUJUKAN**

Mohd Ghazali JCA (2007). *Malayan Law Journal*. Universiti Teknologi Mara.

Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahal Al-Sarakhsi (1957), al-Mabsut, j. 9. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.

Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf al-Syirazi (t.t.), al-Muhadhdhab, j. 2. Kaherah: al-Halabi.

Muslim (2000). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn al-Humam (1315H). *Fath al-Qadir*. j. 6. Kaherah: Matba'ah al-Amiriyah.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1318H). *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Adab.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1970). *I'lam al-Muwaqqi'in*. Kaherah: al-Nahdah al-Jadidah

Ibn al-Athir (1356H). *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*. j.4. Kaherah: Matba'ah al-Husainiyah

Sidi Ahmad Abdullah (1998). *Pembuktian dan Keterangan dalam Undang-undang Islam: rujukan khusus kepada Qarinah*. Penerbit Universiti Malaya

Rohaida bt Nordin (1993). *Konsep dan pemakaian undang-undang keterangan Islam di Malaysia Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagai model kajian*. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.

Wahbah Zuhaili (1995). *Fiqh Perundangan Islam*. Dewan Bahasa & Pustaka

Saedon Awang Othman (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Dewan Bahasa & Pustaka  
Anwarullah. *Islamic Law of Evidence*. Syariah Law Journal 1992

Ruzman Md. Noor (1996). *Qarinah sebagai Keterangan dalam kes-kes hudud: kajian terhadap zina*. Jurnal Hukum

Abdul Karim Zaidan. (1984). *Nizam al Qada* Matbaah al 'ani. Baghdad

Abd al-'Al Ahmad 'Utwawah. 1993. *al-Madkhal ila al-Siyasah al-Shar'iyah*. Riyadh: Universiti Imam Muhammad bin Saud.

Abd al-Karim Zaidan. 1974. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Matba'ah Salman al-A'jamy.

Abd al-Rahman Taj. 1988. *Al-Siyasah al-Shar'iyah wa al-Fiqh al-Islamy*. Cairo: Majallat al-Azhar.

Abu Bakar bin Hasan al-Kasynawi. t.th. *Asl al-Madarik Sharh Irshad al-Salik fi fiqh Imam al-A'immah Malik*. Jld. 3. Cairo: Maaba'at 'Isa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh.

'Adnan Hasan 'Azayizah. 1990. *Hujjiyat al-Qara'in fi al-Syari'ah al-Islamiyyah* (al-Basamah, al-Qiyafah, Dalalat al-Athar, Tahlil al-Dam). Amman: Dar 'Ammar.

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Husayn. 1344H. *al-Sunan al-Kubra*. Haidar Aabad: Majlis Da'irat al-Ma'arif al-Nizamiyyah.